

# KL, Bangkok perlu tingkat kerjasama perangi keganasan

BH 23 DEC 2002

**Oleh Norbakti Alias, Hassan Omar, Faiza Zainuddin dan Tuan Nazuri Tuan Ismail**

HAT YAI (SELATAN THAILAND), Ahad - Thailand dan Malaysia perlu meningkatkan kerjasama dalam memerangi keganasan, jenayah dan aktiviti haram di sempadan kedua-dua negara.

Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, berkata selain itu, kedua-dua negara juga perlu mengadakan kerjasama merentasi sempadan memabitkan rakyat dan produk.

Sehubungan itu, hubungan antara rakyat kedua-dua negara dan pertukaran lawatan boleh meningkatkan hubungan dan aktiviti ekonomi Malaysia dan Thailand.

"Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia dan Thailand diminta mengadakan lawatan sekali gus meningkatkan promosi pelancongan untuk kedua-dua negara," katanya pada pertemuan tertutup membabitkan Menteri Kabinet kedua-dua negara di sini, hari ini.

Teks ucapan beliau dikeluarkan Jabatan Perhubungan Awam, Pejabat Perdana Menteri Thailand.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut berucap pada majlis itu.

Thaksin berkata, Malaysia dan Thailand perlu bekerjasama membangunkan infrastruktur seperti jalan raya, laut dan udara memabitkan semua wilayah Selatan Thailand dan Utara Malaysia.

Katanya, hubungan rakyat Malaysia dan Thailand adalah lebih daripada ka-

wan malah boleh menjadi model bagaimana dua negara jiran boleh bekerjasama dalam pelbagai bidang.

"Kedua-dua negara tidak seharusnya saling menyangi tetapi perlu bekerjasama menandingi negara lain di dunia," katanya.

Sementara itu menurut kenyataan akhbar Jabatan Perhubungan Awam berkenaan Kerajaan Thailand akan membuka dua lagi pusat pemeriksaan kastam di sempadan Thailand-Malaysia bagi meningkatkan lagi perdagangan antara kedua-dua negara.

Dua pusat pemeriksaan itu ialah di Ban Prakop, Daerah Na Thawi, Wilayah Songkhla di sempadan Kedah.

Satu lagi pusat pemeriksaan ialah di Jambatan Buketa, Daerah Waeng, wilayah Narathiwat yang ber-

sempadan dengan Kelantan.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak menyebut bila pusat pemeriksaan itu akan dibuka.

Ketika ini, terdapat tujuh pusat pemeriksaan di sempadan Thailand-Malaysia iaitu Sadao, Padang Besar, Sungai Golok, Tak Bai, Betong, Wang Prachan dan Tammalang.

Tahun lalu, eksport Thailand ke Malaysia melalui tujuh pusat pemeriksaan itu ialah kira-kira RM13 juta manakala import pula berjumlah kira-kira RM5 juta.

Pusat pemeriksaan di Sadao mencatatkan jumlah perdagangan paling tinggi dengan RM3.2 juta (eksport) manakala RM1.7 juta (import) diikuti Padang Besar dengan RM3.1 juta (eksport) dan RM1.1 juta (import).